

24/10/2000

Syarikat perlu berani melabur

Kadir Dikoh; Abdul Halim Yusoff

SYARIKAT Malaysia harus berani melabur dalam projek baru atau membesarkan projek sedia ada untuk pasaran tempatan dan serantau, berikutan pemulihan ekonomi negara, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, mungkin banyak pihak yang curiga dan mempersoalkan potensi sebenar pelaburan besar dalam industri berintensif modal seperti besi dan keluli yang dibuat oleh syarikat Malaysia.

"Bagaimanapun, kita mesti sedar bahawa dengan adanya jenis keluli tertentu ia akan memastikan bahan mentah asas sedemikian ada di Malaysia dan dapat dibeli pengguna pada harga berdaya saing," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapannya ketika merasmikan projek kilang besi keluli jalur panas pertama di Malaysia, Megasteel Sdn Bhd, iaitu ahli kumpulan Lion di Kawasan Perindustrian Olak Lempit, Banting, Selangor, semalam.

Dr Mahathir berkata, dalam jangka panjang syarikat Malaysia yang menjadi pengguna utama produk berkenaan akan mendapat faedah besar daripada penerokaan Megasteel.

Banyak pihak sebelum ini mempertikaikan kewajaran pelaburan besar dibuat untuk projek besi keluli di negara ini lantaran beberapa syarikat besi keluli seperti Perwaja mengalami kerugian besar.

Dalam hal itu, Dr Mahathir dalam sidang medianya selepas perasmian itu berkata, projek Megasteel berbeza kerana ia mengeluarkan produk lain daripada Perwaja. Megasteel adalah kilang besi keluli jalur panas pertama di Malaysia.

Projek Megasteel menandakan peralihan daripada penggunaan produk tradisional besi keluli seperti palang keluli kepada pengeluaran keluli bersepadu dengan produk kepingan bergulung seperti besi keluli jalur panas.

Malaysia masih mengimport sejumlah besar produk besi keluli jalur panas. Pada 1999, Malaysia mengimport produk berkenaan bernilai RM1.7 bilion.

"Sehubungan itu, projek ini akan membolehkan Malaysia menyelamatkan tukaran asing menerusi pengurangan import besi keluli jalur panas. Selain itu, projek ini juga menyumbang kepada industri hiliran pemprosesan besi keluli," katanya.

Besi keluli jalur panas digunakan dalam pelbagai industri termasuk pembuatan kerangka dan komponen automotif, paip bergalvani, peralatan elektrik dan elektronik, panel badan motosikal dan kereta, industri pembinaan kapal, pembinaan kontena, tangki air dan tiang lampu jalan.

Dr Mahathir berkata, dasar Malaysia yang propelaburan meningkatkan keyakinan pelabur meskipun ketika kegawatan ekonomi. Antara 1997 hingga Julai 2000, kerajaan sudah meluluskan pelaburan bernilai RM81.3 bilion dalam sektor pembuatan.

Hadir sama dalam majlis perasmian kilang itu Pengerusi Kumpulan Lion, Tan Sri William Cheng dan Menteri Besar Selangor Datuk Dr Mohd Khir Toyo.

(END)